

25/07/1998

Tongkah jangka proses selesai 6 bulan lagi

TONGKAH Holdings Bhd (Tongkah) menjangka dapat menyelesaikan proses pengambilalihan lesen perniagaan MGI Securities Sdn Bhd (MGI Securities), selewat-lewatnya enam bulan lagi, kata pengarah eksekutifnya, Yeow Kheng Chew.

Menurutnya, MGI Securities yang kini dalam proses mendapatkan penyelesaian dengan kreditor di bawah Seksyen 176, Akta Syarikat yang dijangka selesai dalam tempoh enam hingga sembilan bulan, akan diambil alih menerusi anak syarikat milik penuh Tongkah, Paksiwang Sdn Bhd.

Pengambilalihan MGI Securities yang membabitkan pertimbangan di antara RM60 juta dan RM70 juta itu dilaksanakan menerusi skim penyusunan semula syarikat sekuriti terbabit.

Langkah itu akan dibiayai menerusi bantuan kewangan pihak ketiga dari sumber dalam serta luar negara, dan ia membabitkan terbitan 50 hingga 100 juta saham keutamaan untuk langganan pihak ketiga.

"Tongkah ditawarkan untuk meneliti keperluan MGI Securities di bawah skim penyusunan semulanya," katanya selepas majlis menandatangani kontrak perjanjian di antara anak syarikatnya, Tongkah Moulding Technologies Sdn Bhd (Tongkah Moulding) dan Becton Dickinson & Company (Becton Dickinson) di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu Tongkah diwakili Pengerusinya, Mokhzani Mahathir sementara Becton Dickinson diwakili Naib Presiden yang juga Pengarah Urusannya, Joseph Taylor, sambil disaksikan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Di bawah perjanjian itu, Becton Dickinson, antara pengeluar barangan dan peralatan perubatan terkemuka di dunia, akan memindahkan teknologi pemprosesan serta pengeluaran daripada pusat kemudahannya di California, Amerika Syarikat kepada Tongkah Moulding bagi mengeluarkan bekas pembuangan sisa klinikal.

(END)